

Berperanan menyelia segala urusan berkaitan rumah mampu milik

REHDA gesa tubuh agensi pusat

PETALING JAYA – Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (REHDA) menggesa penubuhan sebuah agensi pusat bagi menyelia urusan berkaitan rumah mampu milik.

Presidennya, Datuk Seri FD Iskandar FD Mansor berkata, agensi itu akan dapat menasihati pemaju untuk membina produk yang sesuai dengan harga, lokasi dan masa yang sesuai, serta menyelia skim sewa milik kediaman.

“Kita perlu melakukan lebih

banyak lagi untuk membantu rakyat memiliki rumah sendiri.

“Pemaju swasta kemungkinan memiliki duit yang banyak untuk membina rumah mampu milik tetapi pemaju kecil-kecilan mungkin memerlukan insentif,” katanya.

Beliau berkata demikian pada taklimat media mengenai Kaji Selidik Industri Hartanah dalam Separuh Kedua 2017 dan Tinjauan Pasa-



FD ISKANDAR

ran 2018 di sini semalam.

FD Iskandar berkata, pembiayaan akhir kekal menjadi cabaran utama dan persatuan itu berharap kerajaan akan mencari jalan untuk meringankan bebanan rakyat dari segi bantuan kewangan kerana

penolakan pinjaman tertinggi ialah permohonan pinjaman perumahan bagi rumah berharga

RM500,000 dan ke bawah.

Pada masa yang sama, beliau juga berharap kerajaan akan membantu mengurangkan kos menjalankan perniagaan pemaju yang menjejaskan aliran tunai mereka.

“Perlu ada pendekatan holistik. Kami meminta kerajaan untuk mengurangkan atau mengetepikan caj pembangunan dan penukaran kos premium tanah serta pembinaan dan pematuhan yang tidak perlu bagi pemaju,” katanya.

Tambahnya, memandang

penduduk Malaysia dijangka meningkat kepada 33 juta tahun ini, beliau berkata negara masih kekurangan tiga juta rumah mampu milik,

ia berdasarkan anggaran keperluan bagi 8.3 juta rumah dengan empat orang bagi setiap kediaman seperti yang dinyatakan Pusat Maklumat Harta Tanah Negara.

Beliau memaklumkan, kerajaan sedang membina kira-kira satu juta rumah mampu milik dan empat juta sedang dibangunkan oleh pemaju swasta.